

PENGURUSAN DAN PENGIMARAHAN MASJID : KEFAHAMAN DAN TUNTUTANNYA

Norita Kamaruddin

norita@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Ahmad Fahmi Mohamad

Imam Masjid Bandar Seri Putra

ABSTRAK

Masjid adalah sebuah institusi yang amat penting dalam pembangunan Islam dan umatnya. Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. selepas berhijrah dari Makkah ke Madinah ialah membina sebuah masjid yang diberi nama Masjid Quba'. Masjid telah menjadi tempat ibadah kepada seluruh umat Islam dan merupakan pusat penyebaran dakwah dan ilmu-ilmu Islam. Namun, pada masa kini masjid seolah-olah hanya dilihat sebagai tempat untuk beribadat sahaja. Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan tentang konsep pengimaran masjid. Kajian ini merupakan satu kajian perpustakaan, metod ini menggunakan kaedah menganalisis terhadap buku-buku, artikel jurnal serta penulisan ilmiah yang lain. Hasil kajian mendapati pengimaran institusi masjid akan berkembang dan menjadi utuh apabila masyarakat memahami dan menghayati konsep imarah dalam Islam. Kajian ini mengusulkan penambahbaikan dari aspek pengurusan masjid berdasarkan pengurusan Islam yang digariskan supaya masjid makin didekati oleh masyarakat dari pelbagai peringkat umur.

Kata Kunci : Pengimaran, pengurusan, masjid, kefahaman

PENDAHULUAN

Institusi masjid dianggap penting dalam pembangunan agama Islam, masyarakat dan negara. Ia merupakan rahmat Allah swt yang suci, sekaligus tempat beribadat bagi umat Islam. Peranannya turut merangkumi markas perbincangan pendidikan, pentadbiran, politik, sosial dan sebagainya. Pelbagai kemaslahatan dan kepentingan umat Islam bermula di sini. Lantaran terlalu besar peranan yang dimainkan olehnya.

Masjid berperanan sebagai institusi yang membina dan memantau kualiti manusia sebagai hamba Allah swt. Manusia secara asasnya menyedari bahawa mereka adalah makhluk Allah swt dan mereka adalah hamba Allah swt tetapi kesedaran ini perlu disuburkan dan dipertingkatkan agar kesenangan dan kecantikan dunia ini tidak akan dapat menghalang atau menyimpangkan manusia dari identiti perlu asal mereka. Oleh itu pengurusan masjid yang mantap dapat mengimarahkan lagi aktiviti dakwah di masjid serta menghidupkan kesedaran dan penghayatan Islam yang sebenar kepada masyarakat.

PENGURUSAN MASJID

Menurut Kamus Dewan (2013) perkataan pengurusan memberi maksud perihal kerja mengurus sesuatu seperti mengurus syarikat, badan perniagaan dan lain-lain Manakala menurut Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991) mendefinisikan pengurusan sebagai kajian ilmiah terhadap bakat dan kebolehan seseorang untuk bertindak sebagai pengurus.

Menurut Rahim Abdullah pengurusan ialah aktiviti yang dilakukan oleh manusia yang berhubung dengan kerja-kerja pengarahannya, kawalan dan perancangan. Semua kerja tersebut dilakukan secara berterusan memandangkan pengurusan dilakukan oleh manusia adalah berasaskan kepada kemampuan dan ilmu pengetahuan. (Rahim Abdullah, 1994)

Jika dilihat dari aspek sejarah pula, pengurusan telah wujud ribuan tahun yang lalu. Antara contoh yang jelas ialah pengurusan pembinaan Piramid di Mesir, Taj Mahal di India dan pembinaan Tembok Cina, yang memerlukan ramai tenaga manusia dan cara-cara pengurusan yang tertentu. Ternyata bahawa seseorang pengurus mesti bersedia untuk merancang, memimpin, mengatur dan mengawal pekerja-pekerjanya untuk menyempurnakan projek-projek yang dirancang.

Berdasarkan pandangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pengurusan adalah suatu kemahiran yang perlu ada pada diri seseorang untuk merancang dan melaksanakan perancangan tersebut melalui proses kerja bagi mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Sekiranya sistem pengurusan tidak wujud, sesebuah organisasi itu akan mengalami kepincangan dan kesukaran dalam melaksanakan aktivitinya. Dalam konteks pengurusan aktiviti dakwah di masjid, sistem amat penting bagi mencapai matlamat pengurusan masjid.

Pengurusan Menurut Islam

Proses pengurusan menurut Islam pula dibahagikan kepada tujuh fungsi iaitu niat, perancangan, pelaksanaan, pengorganisasian, pengarahan, pengawalan dan penilaian.

1. Niat: Menurut ajaran Islam setiap amal harus bermula dengan niat iaitu tekad dalam hati serentak dengan amal. Syarat niat harus ikhlas, tulus dan murni semata-mata kerana Allah swt sebagai pengabdian kepada-Nya dan mencari keredaan-Nya.
2. Perancangan: Perancangan merupakan jambatan penghubung antara kini dan nanti (masa sekarang dengan masa mendatang). Ia mengagaskan senario yang dikehendaki dan menggariskan langkah-langkah merealisasikannya berasaskan fakta dan angka masa kini serta kemungkinan-kemungkinan masa depan.

3. Pelaksanaan: Pelaksanaan adalah proses menterjemahkan segala yang telah dirancangkan ke dalam sejumlah tindakan menurut urutannya. Proses ini perlu dilakukan dengan tegas, yakin, berani dan tanpa ragu-ragu.
4. Pengorganisasian: Dalam pengertian umumnya pengorganisasian bermaksud pengacaraan, penempatan sesuatu atau seseorang pada posisi- posisi yang sesuai dengan tujuan agar semuanya dapat berfungsi dengan berkesan dan seterusnya membuah hasil yang dikendaki. Dalam konteks pengurusan, pengorganisasian merujuk proses pemecahan kerja menjadi bahagian-bahagian dan diikuti dengan pengagihan dan penyelarasannya di kalangan petugas-petugas yang telah ditentukan berdasarkan kelayakan dan kesesuaiannya.
5. Pengarahan: Pengarahan bermaksud keupayaan pengurus menggerakkan para petugas bertindak tepat menurut garis-garis yang telah ditetapkan dengan rela dan penuh iltizam terhadap tugas.
6. Pengawalan: Proses pengawalan meliputi segala sikap dan tindakan untuk memastikan proses pencapaian matlamat dilaksanakan dengan sempurna, menepati perancangan, pengorganisasian dan pengarahan. Pengawalan dalam pengurusan Islam sangat terkait dengan beberapa ajaran pokok iaitu 46 kesedaran tentang pemerhatian Allah swt menyeru kepada kebaikan dan melarang dari melakukan kejahatan dan memperbanyakkan doa memohon kurnia, restu dan keredaan Allah swt.
7. Penilaian: Proses pengurusan seharusnya diakhiri dengan melakukan tinjauan evaluative-introspektif dalam erti merenung ke dalam diri dengan motif oto kritik (mengkritik diri). Dalam istilah agama amalan ini disebut muhasabah diri. Ini adalah amalan terpuji yang harus disebatikan dalam cara hidup seseorang Muslim, menilai diri sebelum dinilai oleh Allah swt pada hari mahsyar. Kerana itu segala tindak lakunya, malah segala gerak hati dan lintasan fikirannya juga harus dikawal dengan penuh waspada. (Akademi Pengurusan YPEIM, 2005)

Jika dirujuk dalam sejarah perkembangan masjid pada zaman Rasulullah saw Nor Raudhah Haji Siren (2006) menjelaskan bahawa Rasulullah saw sendiri memelopori beberapa kaedah pelaksanaan. Antaranya ialah seperti kaedah perancangan, pengorganisasian, pengawalan,

penyusunan staf, kepimpinan dan pelaksanaan mengikut perancangan. Kesannya dalam jangka masa 23 tahun agama Islam telah berjaya disebar ke seluruh pelusuk muka bumi.

Beliau juga turut mengatakan bahawa sistem pengurusan dan pentadbiran yang diamalkan oleh kebanyakan institusi masjid khususnya di Malaysia mempunyai sumber-sumbernya yang tersendiri. Ini bertujuan bagi mengembangkan fungsi sesebuah masjid. Sumber-sumber tersebut ialah al-Qur'an, al-Sunnah, pengamalan khilafah al-Rashidin berlandaskan pemikiran Ulama-Ulama silam terdahulu dan pendapat di kalangan para ilmuan sama ada di Barat atau Timur.

Menurut Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991) ciri-ciri yang perlu ada pada pengurusan dan pentadbiran masjid ialah demokrasi, delegasi, syura, tolong-menolong, berlaku adil, beramanah, sederhana, menghormati hak orang lain, bekerja berpasukan, bersabar atas kerenah manusia dan dedikasi. Semua ciri-ciri yang dinyatakan itu adalah merupakan pra-syarat bagi mencapai kemajuan pengurusan dan pentadbiran institusi masjid.

Berdasarkan penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa dalam melaksanakan sistem pengurusan masjid, perlu diambil kira nilai-nilai dalaman yang berlaku supaya dapat disesuaikan dengan masyarakat setempat seperti kejujuran, keikhlasan dan dedikasi amat penting bagi seseorang individu yang dilantik menduduki pengurusan masjid.

Memanfaatkan Institusi Masjid

Dalam konteks memperkasakan umat, masjid perlu dijadikan medan yang bersifat terbuka dalam pelaksanaan aktiviti dan programnya. Ia perlu melewati batas-batas program kebiasaan seperti pengajian ilmu harian dan program-program tetap masjid seperti majlis meraikan hari-hari kebesaran Islam. Bahkan perlu dirancang dan dilaksanakan program dan aktiviti yang lebih

bersifat terbuka seperti mengadakan aktiviti bersifat sosial untuk golongan kanak-kanak, remaja termasuk juga orang dewasa.

Apa yang perlu ialah wujudnya semangat merancang dengan teliti dan kesatuan dalam berfikir di pihak pengurusan masjid. Terutama dalam konteks perancangan aktiviti masjid sama ada dalam bentuk harian, mingguan, bulanan bahkan tahunan. Dengan wujudnya situasi tersebut pastinya institusi masjid akan menjadi pangkalan utama dalam usaha memperkasakan jati diri seluruh masyarakat dalam negara. Hakikatnya, usaha sebegini akan memungkinkan seluruh masyarakat semakin mendekati masjid dan sekaligus menolak tanggapan negatif terhadap Islam bahkan juga terhadap institusi masjid itu sendiri. (Abd Hamid Othman, 2007)

Justeru, di kalangan kepimpinan pengurusan masjid hendaklah mengambil jalan yang bersifat proaktif dalam menceriakan persekitaran luaran dan dalaman masjid. Harus difahami bahawa keceriaan persekitaran masjid sama ada dalaman atau luaran pastinya akan menambahkan lagi perasaan senang dan tenang di kalangan mereka yang mengunjungi masjid. Dalam konteks pelaksanaan program dan aktiviti masjid pula, kewajarannya ialah ialah perancangan yang rapi perlu diaplikasikan. Sekaligus perancangan yang rapi dan pengurusan sistematik akan dapat mencernakan lagi kesediaan masyarakat untuk memberikan komitmen mereka untuk memakmurkan institusi masjid.

PENGIMARAHAN MASJID

Menurut kamus dewan edisi keempat (2013) imarah; mengimarahkan adalah menggerakkan atau menghidupkan suasana di masjid atau surau dengan dengan pelbagai kegiatan berfaedah, biasanya berbentuk keagamaan.

Ada juga sebahagian yang menggunakan perkataan memakmurkan masjid, menurut kamus dewan edisi keempat memakmurkan adalah dari kata dasar makmur yang beerti mempunyai

hasil yang banyak (daerah, negeri, dll) mempunyai penduduk yang banyak dan cukup kehidupannya. Apabila perkataan tersebut ditambah awalnya imbuhan me-makmur-kan dan imbuhan kan di belakang bermaksud memajukan supaya makmur. Perkataan pengimarahkan lebih dikhususkan penggunaannya kepada masjid, berbanding dengan perkataan memakmurkan yang lebih luas penggunaannya. Dalam firman Allah swt berbunyi,

فِي بِيوتِ أَذْنِ اللّهِ أَنْ تَرْفَعُ وَيَذْكَرُ فِيهَا اسْمَهُ

Maksudnya:

“(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya.”

(Surah al-Nur : 36)

Tanggungjawab mengimarahkan masjid ini ada disebut dalam al-Quran antaranya ialah sebagaimana firman Allah swt yang berbunyi :

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللّهِ مَنْ آمَنَ بِاللّهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللّهُ فَعَسَىٰ أَوْلَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya :

“Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”.

(Surah Al-Taubah : 18)

Allah swt telah menjelaskan empat ciri utama golongan yang layak untuk mengimarahkan masjid. Empat ciri ini juga menggambarkan sifat dan keperibadian akhlak muslim yang sejati.

Pertama, beriman dengan Allah, kedua beriman dengan hari akhirat, ketiga mendirikan solat dan keempat menunaikan zakat. Di hujung ayat ini, Allah swt berfirman,

فَعَسَىٰ أَوْلَىٰكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya :

“Moga-moga mereka yang mengimarahkan masjid dan rumahku termasuk dalam golongan yang diberikan petunjuk.”

Menurut Abdul Munir Ismail (2012) matlamat pengimarahkan dan keceriaan masjid dapat dibahagikan kepada tiga matlamat penting iaitu, mengajar manusia bertakwa dan menjauhkan maksiat. Kedua, meninggikan syiar Islam dan menghapuskan syirik. Ketiga membimbing golongan jahil dan memberi peringatan kepada golongan lalai supaya kembali kepada Allah swt.

Berdasarkan penjelasan di atas dapatlah difahamkan bahawa matlamat pengimarahkan masjid yang dilaksanakan kepada semua orang tidak kira lapisan masyarakat dan peringkat umur adalah bertujuan untuk mengukuhkan akidah Islam supaya makin mantap. Ia juga dapat menjaga masyarakat dari sebarang penyelewengan akidah dan memperbaiki akhlak dan melaksanakan ibadah yang dituntut oleh Allah swt.

Kefahaman dan tuntutan

Antara perkara yang tidak dapat disembunyikan lagi ialah masjid mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan individu dan masyarakat. Ia bukan sahaja menjadi tempat untuk solat berjemaah tetapi ia juga mempunyai tugas yang penting selain itu kerana kesemuanya merupakan ibadah kepada Allah swt. Dalam Islam masjid merupakan sebuah institusi yang mula-mula sekali mengambil berat tentang manusia dan menjadi sumber keberanian, tempat memupuk semangat belas kasihan dan ihsan, ukhuwah, kasih sayang dan hubungan silaturrahim antara orang-orang mukmin. (Shaikh Ali Mohamad Mokhtar, 2003)

Fungsi masjid telah ditunjukkan dengan jelas oleh Nabi Muhammad saw dan para sahabat. Peranan institusi masjid sejak ditubuhkan lebih terarah kepada perkara-perkara dasar seperti yang berkaitan dengan hal-ehwal negara, membincangkan strategi peperangan, berperanan sebagai pusat komuniti, pusat ekonomi dan kebajikan, serta bertindak sebagai pusat penyatuan ummah yang unggul dan terbilang.

Pengimarahannya dari sudut ruh lebih utama berbanding tanggungjawab pengimarahannya dari sudut fizikal dan luaran. Oleh sebab itu, Allah swt menampik masyarakat Arab jahiliyyah yang hanya memfokuskan pengimarahannya Masjidil Haram dari sudut fizikal tetapi mengabaikan pengimarahannya dari sudut maknawi dan ruh apabila enggan beriman dengan Allah swt dan agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw. Allah swt berfirman,

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya:

“Adakah kamu menyangka bahawa khidmat memberikan minuman kepada jemaah yang mengerjakan haji, dan khidmat memakmurkan Masjid Al-Haram itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka tidak sama pada sisi Allah, dan Allah tidak memberikan hidayah kepada kaum yang zalim.”

(Surah al-Taubah : 19)

Secara umumnya, pengimarahannya masjid hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:

1. Pengurusan dan pentadbiran
2. Ibadat dan akidah
3. Kebajikan dan komuniti
4. Keilmuan dan pendidikan
5. Kebersihan dan keceriaan
6. Ekonomi dan kewangan
7. Dakwah dan politik

Selain kepimpinan masjid, anak qaryah dan para jemaah turut memainkan peranan utama untuk mengimarahkan masjid di tempat masing-masing. Hal ini boleh dilakukan dengan;

1. Menjaga kemuliaan masjid, adab dan kehormatannya
2. Menjaga hak jemaah dan para malaikat iaitu dengan menjaga kebersihan diri dan bau mulut.
3. Menginfaqkan harta dan wang ringgit untuk Tabung Masjid.
4. Menunaikan solat fardu secara berjemaah.
5. Menghadiri kelas pengajian dan program yang dianjurkan
6. Menggalakkan ahli keluarga seperti isteri dan anak-anak untuk melibatkan diri dengan aktiviti masjid seperti solat berjemaah
7. Menjaga kebersihan masjid
8. Membaiki kerosakan
9. Mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan oleh pihak masjid
10. Dan yang terakhir rela mempertahankan kemuliaan dan kesucian masjid.

Setiap kita diberikan peluang untuk mengimarah dan memakmurkan masjid mengikut kemampuan dan keupayaan masing-masing. Gunakanlah segala kurniaan Allah swt untuk memakmurkan masjid, sama ada dengan kuasa, harta-benda, wang-ringgit dan kepakaran yang dimiliki. (*Nazrul Hassan*, <http://pusatislam.usm.my/index.php/aktiviti/artikel/283>)

KESIMPULAN

Penglibatan usaha pengimarahkan masjid kepada masyarakat hendaklah dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat secara berterusan. Demikian juga pihak yang berkaitan di saran mengambil tindakan proaktif supaya masalah pengurusan aktiviti dakwah yang dialami dan dihadapi dapat diatasi. Masjid yang makmur ialah masjid yang diurus tadbir dengan sistematik.

Masjid adalah rumah Allah swt untuk orang yang beriman dan beramal soleh, jika pengurusan aktiviti dakwah dimanfaatkan sepenuhnya, maka akan datang rahmat Allah swt pada mereka

yang memakmurkannya dan penyebab hidayah untuk orang bukan Islam. Sesuatu yang barangkali tidak terlintas di fikiran bagaimana pengurusan aktiviti dakwah di masjid merupakan suatu tempat yang menjadi tonggak kepada segala urusan dunia dan akhirat. Usaha yang berterusan memantapkan lagi perjalanan aktiviti dakwah secara tidak langsung telah menyumbang ke arah pembentukan generasi Islam yang mempunyai jati diri dan ketahanan dalam menghadapi cabaran.

RUJUKAN

Al-Qur'an

Abdul Munir Ismail. 2012. *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Perak: UPSI.

Abd. Hamid Othman. 2007. *Islam Hadari : Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*. Putrajaya : Yayasan Islam Hadhari.

Ahmad Ibrahim Abu Sin. 1991. *Pengurusan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akademi Pengurusan YPEIM. 2005. *Pengurusan Dalam Islam Menghayati Prinsip Dan Nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan Ypeim.

Kamus Dewan. 2013. Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Raudhah Haji Siren. 2006. *Strategi Mengurus Masjid*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Akademi Pengajian Islam:Universiti Malaya

Shaikh Ali Mohamad Mokhtar. 2003. *Peranan Masjid Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Rahim Abdullah. 1994. *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

<http://pusatislam.usm.my/index.php/aktiviti/artikel/283-pengimarah-masjid-kefahaman-dan-tuntutannya>